

Bengkel Penulisan Kreatif UMS tingkatkan ilmu para peserta

NST 27.10.2012 6

KOTA KINABALU: Seramai 120 peserta menyertai Bengkel Penulisan Kreatif Siri 2 anjuran Kelab Sastera Mahasiswa Sekolah Pengajian Seni baru-baru ini. Bengkel itu yang diadakan di Dewan Theatre Ahmad Nisfu, SPS telah disampaikan oleh penggiat seni penulisan kreatif terkemuka tanah air, Awang Karim Kadir.

Dalam taklimatnya beliau berkata, sesebuah karya tidak akan mampu dihasilkan tanpa amalan budaya membaca.

“Tulisan yang tajam lahir daripada pembacaan yang dalam. Hanya dengan kecintaan yang mendalam terhadap pembacaan akan mencetuskan ilham untuk dikongsikan di atas kertas,” katanya lagi.

Bagi para peserta bengkel, ia memberi manfaat untuk berinteraksi bersemuka di samping menjalinkan hubungan komunikasi yang efektif khususnya dalam memahami teknik dan gaya penulisan.

Pelajar tahun dua Jurusan Penulisan Sekolah Pengajian Seni, Astuti Asnawi berkata, banyak petua penulisan yang diperolehi sepanjang mengikuti bengkel berkenaan.

“Jika diberi ilmu yang lebih mendalam, saya akan memilih kerjaya penulisan sebagai mata pencarian, saya rela menjadi penulis sepenuh masa seperti Awang Karim Kadir,” ujarnya.


Dengan bidang penulisan yang semakin berkembang, Nadia Etok Amri pelajar yang berasal dari Tuaran Sabah pula yakin potensinya dalam bidang penulisan adalah bersesuaian dengan cita-citanya untuk menjadi seorang novelis.

“Bengkel ini telah mengajar saya banyak perkara baru berhubung teknik dan gaya penulisan kreatif. Saya merasa sungguh bertuah kerana penyertaan dalam bengkel ini memberi manfaat besar dalam usaha saya untuk mengejar cita-cita,” tambah beliau.

Majlis penutupan bengkel telah disempur-

nakan oleh Ketua Setiausaha Politik Ketua Menteri Sabah, Haji Nizam Abu Bakar Titingan. Dalam ucapannya beliau berharap, golongan penulis khususnya dalam kalangan peserta bengkel dapat bersama-sama menjaga keharmonian negara melalui penulisan yang indah ke arah faedah kesejahteraan bersama.

Hadir sama menjayakan bengkel itu, Dekan Sekolah Pengajian Seni UMS, Prof. Madya Dr. Ismail Ibrahim; Ketua Program Seni Kreatif, Esterlina Moo Chin Len Lazarus; Pensyarah Program Seni Kreatif, Lokman Samad dan Penyelaras Program, Mohd. Suhaimi Md. Yasin.



KONGSI ILMU...Panel jemputan yang juga penggiat seni penulisan kreatif, Awang Karim Kadir sedang berkongsi ilmu kepada para peserta sementara gambar kanan menunjukkan para peserta bengkel ketika sesi pendaftaran.

